

15/03/2000

Muhyiddin beri bukti sekat pencalonan ke Dr M

PETALING JAYA, Selasa - Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin akan menemui Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok, bagi menyampaikan maklumat mengenai usaha menyekat pencalonannya bagi jawatan Naib Presiden Umno.

Katanya, beliau tidak boleh mendedahkan secara terbuka bukti dakwaannya itu kerana bimbang mengenai kedudukan orang yang menyampaikan maklumat berkenaan kepadanya.

"Oleh itu, saya bercadang berjumpa Perdana Menteri secara peribadi selepas mesyuarat Kabinet esok bagi memberikan penjelasan mengenai kenyataan saya itu," katanya kepada pemberita selepas melancarkan buku Memahami Kepenggunaan terbitan Fomca di sini, hari ini.

Muhyiddin sebelum ini mendakwa, ada pihak tertentu di Johor yang cuba menghalang pencalonannya bagi merebut jawatan Naib presiden pada pemilihan Umno Mei ini, supaya tidak melepasi syarat minimum pencalonan 10 peratus atau sokongan 17 daripada 165 bahagian.

Katanya, 16 bahagian Umno Johor diminta menamakan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman sebagai calon tunggal negeri itu, manakala dua calon dipilih dari negeri lain.

Berikutan itu, Dr Mahathir semalam menasihatkan Muhyiddin merujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) parti beserta bukti jika menghadapi masalah berhubung pencalonan pada peringkat bahagian sekarang.

Ditanya mengapa beliau tidak menyalurkan maklumat itu kepada MT seperti disarankan Presiden Umno, Muhyiddin berkata, adalah lebih baik menemui Dr Mahathir sendiri apa lagi beliau bukan ahli MT.

"Saya tidak duduk dalam MT. Saya buat kenyataan itu kerana saya rasa hal seperti ini tidak seharusnya berlaku. Kita nak lihat proses yang berjalan dalam parti benar-benar demokratik.

"Maklumat yang disampaikan oleh pihak tertentu meminta supaya saya rahsiakan kerana jika tidak, pihak yang membuat aduan terpaksa berhadapan masalah. Itu sebab saya tidak boleh mendedahkannya secara terbuka. Buktinya memang ada dan akan saya jelaskan kepada Perdana Menteri," katanya.

Muhyiddin berkata, beliau tidak berhasrat menarik diri daripada bertanding jawatan naib presiden walaupun cuma menerima tiga pencalonan setakat ini kerana banyak lagi bahagian yang belum mengadakan mesyuarat.

Sementara itu, Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata dakwaan Muhyiddin itu hanya sesuai dibincangkan dalam mesyuarat MT, bukan di peringkat jawatankuasa pengurusan dan disiplin parti.

"Mesyuarat jawatankuasa ini biasanya membincang pengendalian mesyuarat peringkat cawangan dan bahagian," katanya selepas menerima kunjungan Menteri Luar Republik Slovak Eduard Kukan di sini, hari ini.

Mengenai bentuk tindakan yang boleh diambil jika terbukti dakwaan itu benar, Najib sebaliknya meminta media supaya tidak membuat sebarang spekulasi mengenai isu itu.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Johor pula berkata, pihaknya menyerahkan kepada MT Umno untuk menyasat dakwaan Muhyiddin itu.

(END)